

Hampir \$4 juta dikumpul bagi kerusi profesor Yusof Ishak

Jawatankuasa yakin
capai sasaran \$6j
jelang hujung tahun

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

SEBANYAK \$3.87 juta telah dikumpul dalam tempoh sekitar setahun sejauh ini bagi dana Kerusi Profesor Yusof Ishak dalam Sains Kemasyarakatan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Jumlah tersebut membentuk hampir dua pertiga daripada \$6 juta yang disasarkan dikumpulkan menjelang hujung tahun ini.

Demikian diumumkan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, di jamuan Hari Raya untuk pegawai Melayu/Islam dalam perkhidmatan awam semalam.

Dr Yaacob berkata usaha mengumpul dana itu meraih sokongan di peringkat nasional, termasuk daripada badan korporat dan masyarakat bukan Melayu seperti syarikat telekomunikasi M1 dan Yayasan Lee.

"Ini menunjukkan bahawa kerusi profesor yang ingin kita tubuhkan bukan hanya untuk masyarakat kita, bahkan untuk negara kita," ujarnya apabila ditemui media.

Penubuhan Kerusi Profesor Yusof Ishak ialah antara penghormatan pemerintah bagi presiden pertama Singapura, Allahyarham Yusof Ishak, yang diumumkan Perdana Menteri Lee Hsien Loong dalam ucapan Rapat Hari Kebangsaan tahun lalu.

Usaha mengumpul dana bagi Kerusi Profesor itu diterajui Jawa-



YOK PETIK 'WEFIE': Dr Yaacob (*tengah*) mengambil kesempatan bergambar bersama sebahagian hadirin jamuan tengah hari Hari Raya untuk pegawai perkhidmatan awam di Hotel Ritz-Carlton Millenia semalam. – Foto TAUFIK A. KADER

tankuasa SG50Kita, jawatankuasa bertanggungjawab menyelaras sumbangan masyarakat Melayu/Islam kepada sambutan ulang tahun ke-50 Singapura (SG50).

Pengerusi Jawatankuasa SG50-Kita, Encik Sallim Abdul Kadir, berkata pihaknya yakin memenuhi sasaran \$6 juta menjelang hujung tahun ini.

"Kami mempunyai beberapa bulan lagi. Saya fikir kami boleh mencapai sasaran itu, termasuk tokokan dana pemerintah," ujar Encik Sallim.

Setiap dolar yang dikumpul akan ditokok sebanyak 1.5 kali oleh pemerintah.

Dalam ucapannya di majlis itu semalam, Dr Yaacob berkata NUS te-

lah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa dan akan membuat pelantikan profesor tidak lama lagi.

Beliau berkata individu yang dilantik itu akan menyumbang kepada penyelidikan dan kepimpinan intelektual dalam bidang seperti kepelbagaian budaya dan agama.

Selain penubuhan kerusi profesor, dua lagi sanjungan khas buat Allahyarham Yusof Ishak ialah penamaan sebuah masjid baru di Woodlands sebagai Masjid Yusof Ishak dan penamaan semula Institut Pengajian Asia Tenggara (Iseas) sebagai ISEAS-Institut Yusof Ishak.

Bahkan, pembinaan Masjid Yusof Ishak juga turut menerima sokongan daripada masyarakat lebih luas, selain masyarakat Mela-

yu/Islam, kata Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan merangkap Tenaga Manusia), Encik Hawazi Daipi, yang juga AP GRC Sembawang.

Pemimpin masyarakat di GRC Sembawang telah mengumpul \$104,000 untuk masjid yang dijangka siap tahun depan itu.

"Atas inisiatif mereka sendiri, mereka menyumbang kepada masjid, yang mereka percaya satu institusi penting bagi masyarakat," kata Encik Hawazi yang turut hadir di acara semalam

Sekitar 100 tetamu menghadiri jamuan tengah hari Hari Raya untuk pegawai perkhidmatan awam di Hotel Ritz-Carlton Millenia semalam, yang diadakan buat tahun kedua.